KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	22.06.22	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	PERHILITAN			

Anak gajah mati dilanggar pacuan empat roda

KLUANG: Seekor anak gajah mati akibat dilanggar sebuah kenderaan pacuan empat roda di Kilometer 40, Jalan Batu Pahat - Mersing di sini jam 9.30 malam kelmarin.

Seorang wanita berusia 53 tahun yang juga penumpang kenderaan berkenaan cedera ringan.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kluang, Deputi Superintenden Abdul Razak Abdullah Sani berkata, anak gajah berkenaan yang mahu melintas jalan dilanggar kenderaan yang dipandu seorang lelaki berusia 50 tahun.

Bagaimanapun, lelaki berkenaan tidak mengalami kecederaan.

"Kenderaan pacuan empat roda dari Kahang ke Kluang dan penumpang yang cedera menerima rawatan di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom. Anak gajah yang dilanggar, mati di tempat kejadian," katanya.

Kes disiasat di bawah Peraturan 10 Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959 (LN166/59), iaitu gagal mengawal kenderaan dengan sebaiknya.



SEEKOR anak gajah mati akibat dilanggar sebuah kenderaan di Jalan Batu Pahat-Mersing. - MEDIA SOSIAL

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763 I Web : www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia